

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

# ACIS

## Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Riadah 1.0: Bowling ACIS, UHEI dan Alumni CNS



Oleh:  
**Suhaila Sharil**  
Pensyarah Akademi Pengajian Islam  
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan  
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

**Program Riadah telah bermula  
27 orang menjadi peserta  
Beriadah bersukan amalan mulia  
Ukhwah terbina jalinan kerjasama**

Pada 19 Ogos 2024 telah berlangsung program Riadah ACIS Negeri Sembilan Bowling 1.0 bertempat di Ole-Ole Superbowl Mydin Seremban 2. Seramai 27 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada kakitangan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan staff akademik Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Antara objektif program Riadah ACIS & UHEI ini adalah untuk memupuk hubungan silaturrahim dalam kalangan staff ACIS dan UHEI, membangun semangat kerjasama dan berpasukan dan menjaga aspek *qawiyatul jism*. Program dimulakan tepat pada jam 9.45 Pagi dengan aluan daripada pengerusi majlis iaitu Ustazah Siti Nur Husna Binti Abd Rahman. Selepas itu semua pensyarah dan kakitangan diberikan taklimat perjalanan program oleh Pengarah program iaitu Ustaz Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah.

Seminggu sebelum program peserta telah diagihkan kepada kumpulan yang mempunyai seramai 3 orang ahli. Oleh yang demikian, sebanyak 2 pusingan yang perlu dilengkapkan oleh semua pensyarah ACIS dan kakitangan UHEI bagi menghabiskan permainan Bowling ini untuk menentukan juara Bowling 1.0 bagi Program Riadah ACIS Negeri Sembilan Bowling 1.0. Bagi peserta-peserta yang

telah berpengalaman bermain Bowling mereka tidak kekok mengangkat bola dan berjuang untuk menjatuhkan kesemua jatuhan pin. Namun, bagi peserta yang baru berjinak ada kalanya bola tersebut terkeluar daripada sasaran. Namun semangat berpasukan dan motivasi dalam kalangan peserta tidak melenturkan kekuatan mereka dan terus berusaha tanpa berputus asa. Ada kalanya gelak tawa memeriahkan suasana.

Alhamdulillah tepat pada jam 12 tengahari semua peserta telah menghabiskan pusingan mereka. Program diserikan dengan ucapan penutupan oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) iaitu Ustaz Nasif Sidquee bin Pauzi. Beliau mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta yang hadir memberi komitmen dalam menjayakan Program Riadah ACIS & UHEI Bowling 1.0.

Program dimeriahkan dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang yang mempunyai bilangan jatuhan pin minimum iaitu Ustazah Athira Ayuni Asmadi dan Ustaz Nasif Sidquee Bin Pauzi. Bagi pemenang yang menggondol gelaran juara Bowling 1.0 ialah Dr. Mohd Kamel Mat Salleh dan Ustazah Masliyana Ismail. Manakala tempat kedua adalah Ustazah Siti Hajar Sopia Binti Amran dan Dr. Muhammad Firdaus Bin Abd Manaf. Tempat ketiga pula jatuh kepada Ustaz Puaad Bin Osman dan Ustazah Anis Nadhirah Binti Nor Mukhsar. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada semua pemenang Program Riadah ACIS Negeri Sembilan Bowling 1.0. Bagi yang tidak berjaya juga menerima hadiah cenderahati daripada Penganjur. Semua peserta membawa pulang cenderahati dan sijil dalam talian.

Semoga program ini dapat merapatkan ukhwah yang terbina antara ACIS dan UHEI. Terima kasih kepada semua jawatankuasa program yang telah banyak membantu menjayakan program dan semoga usaha tersebut diganjar pahala sebaik-baiknya.

